

# CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Bil. 19 Tahun 2

Julai 1995

ISSN 0128-8431

Pelancaran Hari Inflasi Sifar Peringkat Negeri Kedah

## Menjayakan Kempen Inflasi Sifar

**K**ita semua adalah pengguna, sama ada kita pengeluar atau menjual barang atau khidmat. Kita tidak dapat elak daripada menjadi pengguna. Malangnya, kerap kali kita lupa bahawa kita juga adalah pengguna semasa kita mengeluarkan dan menjual barangan atau khidmat kita. Hanya apabila kita membeli barangan atau khidmat barulah kita kuat berlagak sebagai pengguna.

Sebagai pengguna, kita begitu marah jika harga terlalu mahal atau khidmat kurang baik sedikit atau kualiti tidak seperti yang didakwa. Sebaliknya, jika kita yang menjual mahal atau memberi khidmat yang buruk atau barangan jualan kita tidak berkualiti, kita tidak anggap perbuatan kita itu tidak baik atau salah. Bahkan, kita tidak faham kenapa orang tidak puas hati dengan harga atau kualiti barangan atau khidmat kita. Inilah masalah terbesar yang dihadapi oleh masyarakat; pemisahan diri kita sendiri semasa menjadi pengguna dan semasa menjadi pembekal barangan atau khidmat. Sementara sebagai pengguna kita macam kenaikan harga barangan, di saat yang sama, kita menuntut supaya upah untuk khidmat kita dinaikkan.

Apabila kita mahu mencapai **Inflasi Sifar**, kita harus faham apakah maksudnya. **Inflasi Sifar** tidak bermakna bahawa semua barang dan khidmat tidak boleh naik harga sama sekali. Dalam keadaan tertentu, dan dengan barangan atau khidmat tertentu, kenaikan harga bukan sahaja tidak dapat dielak malah, adalah perlu jika taraf hidup masyarakat hendak dipertingkatkan.


Strategi Kerajaan ialah mengekalkan kos sara hidup yang rendah untuk membolehkan kita bersaing menarik pelaburan dan mengekalkan daya saing atau '*competitiveness*' barangan buatan kita di pasaran antarabangsa. Kita tidak mempunyai banyak '*competitive advantage*'. Di samping itu, kita juga menghadapi banyak tekanan dan sekatan perdagangan daripada negara-negara maju, terutama kuasa-kuasa besar seperti Amerika, Britain dan sebagainya. Kita kekurangan modal, teknologi

dan '*know-how*', p a s a r a n tempatan yang mewah dan besar serta '*network*' atau j a r i n g a n pemasaran di seluruh dunia. Yang ada pada kita ialah kos pengeluaran yang rendah kerana kos sara hidup kita yang rendah. Justeru itu, kita perlu kekalkan kos

sara hidup yang rendah dengan menjayakan **Kempen Inflasi Sifar**. Tetapi jika kerana pembekal barangan atau khidmat menaikkan harga maka kos sara hidup akan naik dan kos pengeluaran barangan juga akan turut naik. Dalam negara, kenaikan ini akan menaikkan lagi kos sara hidup yang akan menaikkan lagi kos pengeluaran. Pendapatan rakyat mungkin bertambah tetapi '*purchasing power*' atau daya beli mereka akan turun.

Justeru itu, pembekal barangan atau khidmat (dan ini termasuk siapa juga yang menjual khidmat mereka untuk mendapat upah) harus elak daripada menaikkan harga jualan mereka melainkan ada peningkatan dari segi kualiti, iaitu peningkatan daya pengeluaran atau produktiviti.

Saya menyeru persatuan-persatuan pengguna sebagai pertubuhan sukarela yang '*accessible*' atau paling hampir dengan masyarakat setempat dapat memainkan peranan yang berkesan dalam membantu merealisasikan kejayaan kempen ini. Persatuan-persatuan pengguna tempatan dapat menyebarkan maklumat-maklumat seterusnya mendidik para pengguna supaya mengambil langkah-langkah yang menjurus kepada pencapaian



**YAB. Tan Sri Dato' Seri Osman Aroff, Menteri Besar Kedah**



## Melindungi Pengguna dan Galakan Perdagangan Dalam Negeri Yang Sihat

**K**ita sudah sampai di pertengahan tahun 1995. Kita mempunyai enam bulan sahaja pada tahun ini untuk mencapai sasaran dan matlamat yang telah kita tetapkan untuk tahun ini. Kalau kita telah berazam untuk menjadi pengguna yang lebih baik, kita perlu tanya diri kita sendiri, apakah kita telah mengambil langkah-langkah yang betul untuk menjadi pengguna yang lebih baik. Kalau kita berniaga, kita perlu renung kembali sama ada kita beretika dalam menguruskan perniagaan kita.

Sebagai matlamat jangka panjang untuk mencapai inflasi sifar, Kementerian ini akan mengetatkan lagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan. Harga dan bekalan barangan akan diawasi rapi.


Perubahan dalam bekalan dan harga membantu Kementerian mengambil langkah-langkah mengawal kepincangan dalam pasaran seperti kenaikan harga barangan yang tidak munasabah,

kegiatan menyorok barang keperluan

dan sebagainya. Peniaga-peniaga yang enggan meletakkan tanda harga pada barangan mereka akan diambil tindakan. Begitu juga mereka yang cuba menipu pelanggan dengan alat timbang dan sukat yang tidak piawai.

Projek Kedai Harga Patut akan diteruskan pada tahun ini. Kedai-kedai yang dikenal pasti sebagai menjual pada harga yang berpatutan diberi pengiktirafan. Tujuan Kementerian ialah supaya pengguna berpeluang membeli barang-barang pada harga yang berpatutan.

Akhir kata, saya menyeru agar para pengguna dan peniaga menyokong usaha-usaha Kementerian dalam memberikan perlindungan pengguna dan menggalakkan perdagangan dalam negeri yang sihat.



**Dato' S. Subramaniam**

Penasihat  
YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

### Sidang Redaksi

Ketua Pengarang  
Y.Bhg. Dato' Hj. Samsudin Osman

Penasihat Pengarang  
Encik Mohd Hamdan Adnan  
Dr. Sothi S. Rachagan  
Encik Bisn Singh Bahadur

Pengarang  
Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi  
Encik Zulkipli Abu Bakar

Penolong Pengarang  
Encik Lim Ming Lee  
Puan P. Jayanthi

Pengedar: FOMCA

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang  
Warta CERMAT  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,  
Tingkat 23, Menara Maybank,  
100, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2329955  
Fax: 03-2389558

# Simposium Harta Intelek ASEAN

Disediakan oleh:  
Bhg. Harta Intelek

Kementerian dengan kerjasama European Union (EU), World Intellectual Property Organisation (WIPO) dan European Patent Office (EPO) telah menganjurkan "ASEAN Regional Symposium on The Teaching and Training of Intellectual Property" di Kuala Lumpur pada 6 hingga 8 Julai lalu.

Simposium telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' S. Subramaniam.


Tujuan simposium ini adalah untuk meningkatkan persefahaman dan pengetahuan pegawai-pegawai dan kakitangan daripada pelbagai bidang yang berkaitan seperti industri-industri, pihak penguatkuasa dan kastam, perundangan dan kehakiman serta para penyelidik mengenai kepentingan latihan dan pendidikan harta intelek.

Seramai 162 peserta (127 peserta Malaysia dan 35 lagi perwakilan dari luar

negara) telah menghadiri simposium ini.

Sepuluh pakar perunding dan penyelidik harta intelek dari dalam dan luar negara menyampaikan ceramah mengenai pendidikan dan latihan harta intelek.

Simposium ini berjaya mengenal pasti aktiviti-aktiviti bidang harta intelek yang boleh dilaksanakan secara 'regional' serta bersetuju bekerjasama untuk bertukar pandangan, pendapat dan maklumat untuk kebaikan dan faedah bersama.



YB. Dato' S. Subramaniam (terjah) di majlis perasmian Harta Intelek ASEAN.

Projek **Kedai-kedai Harga Patut** telah dilancarkan pada bulan Disember 1993 di Pulau Langkawi untuk memberi peluang kepada pengguna membeli di kedai-kedai yang menawarkan barangan pada harga yang berpatutan. Sebagai meneruskan projek tersebut, sebanyak 10 kedai lagi telah dikenal pasti sebagai **Kedai Harga Patut**. Kedai-kedai Harga Patut berkenaan adalah seperti berikut:

Nama	Kategori	Tempat
Pusat Membeli-belah Glory Kiu Brothers	Pasar mini	Mukah
Orchard Square Sdn. Bhd.	Kedai runcit	Mukah
The Store Sdn. Bhd.	Pasaraya	Melaka
Syarikat A. Shaik Mohd.	Pasaraya	Melaka
Perbadanan Niaga Felda	Pasar mini	Melaka
Pasar Mini Sin Chye Guan	Pasar mini	Melaka
Syt. Perniagaan Chuan Huat	Pasar mini	Melaka
MB. Abd. Naser KM. Mohd Basir	Pasar mini	Melaka
Goldwell Minimart Sdn. Bhd.	Pasar Mini	Melaka

## Penganugerahan Kedai-Kedai Harga Patut di Melaka dan Sarawak

Kedai-kedai Harga Patut di Sarawak telah dilancarkan pada 12 Julai 1995 oleh YB. Encik Ajis Abd. Majeed, ADUN Balingian, Mukah. Manakala, Kedai-kedai Harga Patut di Melaka telah dilancarkan oleh Ketua Menteri Melaka, YAB. Datuk Hj. Mohd Zin Bin Hj. Ab. Ghani.

Orang ramai digalakkan memberi sokongan kepada kedai-kedai tersebut. Penganugerahan Kedai-kedai Harga Patut seumpama ini adalah salah satu usaha Kerajaan untuk membanteras inflasi dan mewujudkan daya saing yang sihat di kalangan pekedai-pekedai yang lain untuk menurunkan harga barang-barang mereka.



# Kempen Inflasi Sifar: Bersama Kita Boleh Jayakan

Kempen Anti-Inflasi telah dilancarkan oleh YAB. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 1 Jun 1995 dengan tema "Inflasi Sifar: Sasaran Kita" Hari Inflasi Sifar Peringkat Kebangsaan pula dilancarkan oleh YAB. Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 1 Julai 1995 di Kota Kinabalu, Sabah. Ramai di antara kita yang masih belum faham apakah itu inflasi sifar dan bagaimana kita boleh menjayakannya. *Warta CERMAT* telah mendapatkan penjelasan daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Hj. Abu Hassan bin Hj. Omar.



**YB. Dato' Hj. Abu Hassan bin Hj. Omar.**

*Apakah matlamat Kempen Anti-Inflasi yang dilancarkan baru-baru ini?*

Kempen Anti-Inflasi yang bertemakan "Inflasi Sifar: Sasaran Kita" merupakan usaha Kerajaan untuk menggembeling tenaga semua pihak untuk membanteras kenaikan harga barangan dan perkhidmatan perlu yang mana kenaikan harganya menjejaskan kuasa membeli rakyat biasa.

*Apakah makna "Inflasi"?*

Inflasi ialah keadaan di mana berlaku kenaikan harga barangan dan perkhidmatan secara berterusan bagi tempoh tertentu.

*Apakah maksudnya "Inflasi Sifar"?*

"Inflasi Sifar" bermaksud keadaan di mana tidak ada kenaikan harga bagi

barangan atau perkhidmatan yang berkenaan.

*Mengapa perlu kita berusaha mencapai "Inflasi Sifar"?*

Kita perlu berusaha mencapai "Inflasi Sifar" bagi barang dan perkhidmatan untuk mengekal kos sara hidup yang rendah supaya rakyat menikmati 'standard' kehidupan yang tinggi.

*Bolehkah "Inflasi Sifar" dicapai?*

"Inflasi Sifar" tidak mustahil dicapai jika kita berjaya mengawal harga barangan dan perkhidmatan perlu.

*Apakah keburukan "inflasi"?*

Kadar inflasi yang tinggi mengurangkan

kuasa beli wang, meningkatkan kos sara hidup dan menurunkan 'standard' kehidupan rakyat. Inflasi juga boleh menyebabkan kos pengeluaran barangan meningkat dan mengakibatkan kehilangan daya saing di peringkat antarabangsa. Inflasi akan mengurangkan kadar pertumbuhan ekonomi sebenar dan mereka yang berpendapatan tetap akan mengalami kesulitan hidup.

*Apakah yang dimaksudkan dengan "Hari Inflasi Sifar"?*

"Hari Inflasi Sifar" merupakan satu hari peringatan bagi pengguna dan peniaga. Hari Sabtu yang pertama pada setiap bulan ditetapkan sebagai "Hari Inflasi Sifar". Ia menggalakkan para peniaga menjual barangan dan perkhidmatan perlu dengan harga yang rendah dan berpatutan. Para pengguna pula diminta merancang pembelian mereka supaya dapat membeli barangan keperluan dengan berjimat dan dapat nilai yang lebih bagi wang yang dibelanjakan.

*Jika jualan istimewa "Hari Inflasi Sifar" diadakan pada setiap bulan, selain daripada jualan murah biasa, ini boleh mendorong pengguna berbelanja berlebihan dan meningkatkan kadar inflasi. Mungkin peniaga juga akan mengambil kesempatan mengaut untung. Apakah pandangan YB. mengenai keadaan ini?*

Pengguna harus faham bahawa "Hari Inflasi Sifar" bukan untuk mereka berbelanja mengikut perasaan. Mereka dinasihatkan membeli barang-barang yang benar-benar diperlukan sahaja.

Peniaga juga diminta menjual barangan dengan harga yang benar-benar lebih rendah, dan tidak menjual stok lama atau barangan lain dengan lebih mahal. Mereka mesti beretika dalam perniagaan. Pada pendapat saya, jumlah permintaan mingguan dan bulanan

barangan tidak akan berubah dari segi kuantitinya, dan dengan harga jualan yang rendah sebenarnya akan menurunkan kadar inflasi.

*Selain daripada "Hari Inflasi Sifar", apakah strategi lain Kementerian untuk mencapai "Inflasi Sifar"?*

Kementerian akan mengesan bekalan dan perubahan harga barangan di pasaran, terutamanya bagi barang-barang yang tersenarai dalam senarai barang-barang kawalan. Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berada di bidang kuasa Kementerian akan diperketatkan.

Kementerian juga sentiasa mengadakan rundingan dengan para pengeluar, pengedar dan peniaga supaya menjual barangan mereka pada harga yang munasabah dan tidak menaikkannya sesuka hati.

Kementerian akan meneruskan pengawasan harga melalui Pusat Maklumat Harga, dan Kedai-kedai Harga Patut. Selain itu, Kementerian juga menganjurkan program dan projek kesedaran serta pendidikan pengguna untuk mewujudkan pengguna yang bermaklumat.

*Bilakah matlamat "Inflasi Sifar" ini dapat dicapai? Adakah Kerajaan menetapkan tempoh waktu sasaran?*

Jika semua pihak, iaitu pengeluar, pengedar, peniaga dan pengguna bersungguh-sungguh berusaha mengekalkan paras harga, matlamat "Inflasi Sifar" lebih mudah dijayakan. Kita harus faham bahawa "Inflasi Sifar" merupakan sasaran jangka panjang dan pencapaian akan mengambil masa. Oleh kerana penekanan adalah pada mengawal harga barangan dan perkhidmatan perlu yang tertentu dan tidak pada barangan mewah, saya yakin matlamat kita akan tercapai.

# Antibiotik Pada Pesakit

Ubat antibiotik digunakan untuk penyakit jenis jangkitan kuman bakteria sahaja seperti jangkitan di kulit, paru-paru, jantung atau sistem peranakan. Ubat antibiotik yang dimakan atau ditelan (sama ada bentuk pil, cecair atau kapsul) akan diserap ke dalam darah dan dibawa ke semua tempat dalam badan, termasuk tempat jangkitan bertapak.

Antibiotik bertindak menurut kelasnya masing-masing. Ada yang membunuh terus bakteria, ada yang menghalang bakteria daripada membiak dan membantu sel sistem pertahanan badan menghapuskan bakteria. Kedua-dua fungsi ini amat berguna dalam membanteras jangkitan, bergantung kepada keseriusan penyakit yang dialami oleh pesakit.

Apabila ubat antibiotik diberikan oleh doktor, pesakit hendaklah memastikan bahawa ubat tersebut dihabiskan untuk tempoh yang telah dinyatakan oleh doktor serta mengikut dos antibiotik yang telah dinasihatkan. Sekiranya diabaikan, maka antibiotik berkenaan akan kehilangan kekuatannya untuk

membunuh jenis bakteria yang terdapat pada individu berkenaan. Hal ini kerana bakteria tersebut telah berupaya membentuk pertahanannya dan 'menjadi kebal' terhadap antibiotik berkenaan.

Meskipun begitu, kesan sampingan antibiotik pada seseorang pesakit banyak bergantung kepada 'kekuatan' antibiotik itu sendiri dan individu yang menggunakannya.



**Pastikan ubat antibiotik yang diambil dihabiskan untuk tempoh yang dinyatakan oleh doktor.**

## Kelab Pengguna

### Perkhemahan Belia dan Alam Sekitar PAC

Persatuan Pengguna Pahang (PAC) telah mengadakan satu Perkhemahan Belia dan Alam Sekitar di Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang; di bawah Program Pembangunan Kesenambungan Alam Sekitar dari 1 hingga 4 Jun lalu.

Projek tersebut yang merupakan projek tahunan PAC diadakan dengan kerjasama Jabatan



**Peserta Perkhemahan Belia dan Alam Sekitar bergambar kenangan di Taman Negara, Jerantut, Pahang.**

Belia dan Sukan Negeri Pahang, Penguasa Taman Negara Malaysia, Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri Pahang dan Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah Jerantut.

Tujuannya ialah untuk menambah pengetahuan dan pengalaman mengenai alam sekitar, sekaligus menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia.

Perkhemahan ini yang disertai oleh 40 peserta dari seluruh negeri Pahang merangkumi aktiviti seperti menaiki Canopy Walkway, trekking ke Bukit Teresek, Gua Telinga, serta Lata Berkoh, menaiki bot merentasi jeram di Sungai Tahan dan sebagainya.

Majlis penutup dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh YB. Puan Hajah Rahimah Hj. Mohammad Kawi, ADUN Kawasatan Tahan.

Kelab-kelab Pengguna di seluruh negara dipelawa menyumbang mengenai sebarang kegiatan masing-masing dalam bentuk artikel dan gambar untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Semua sumbangan hendaklah dialamatkan kepada: Ketua Pengarang CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tingkat 23, Menara Maybank, 50050 K. Lumpur.

## Tips Membeli Melalui Pos

Membeli barangan atau produk melalui pos memanglah mudah. Pembeli tidak perlu membuang masa dan tenaga mahupun wang ringgit (bagi tambang, bayaran letak kenderaan mahupun petrol) untuk pergi ke kedai-kedai atau peniaga yang berkenaan. Memadai hanya dengan menelefon atau mengisi borang yang disediakan.

Meskipun begitu, ini tidak bermakna anda tidak perlu berhati-hati bagi mengelak sebarang penipuan atau penyelewengan oleh syarikat-syarikat yang menawarkan barangannya.

Berikut ialah beberapa langkah yang boleh anda lakukan sebelum membuat sebarang pesanan:

- \* Memastikan bahawa akhbar, majalah, katalog atau iklan produk berkenaan yang diiklankan adalah semasa dan tawarannya masih sah.

- \* Membaca iklan tersebut dengan teliti dan memastikan anda betul-betul memahami maksud iklan itu.

- \* Menulis nama dan alamat anda dengan jelas di dalam borang pesanan. Jika borang itu terlampau kecil untuk menulis nama dan alamat anda dengan terang, tuliskan di kertas lain agar tidak berlaku kesilapan.

- \* Menyimpan salinan borang pesanan dan sebarang surat lain yang dihantar kepada syarikat yang berkenaan dengan baik.

- \* Menyimpan butiran iklan yang berkenaan; apabila ia diiklankan, nama media massa, alamat syarikat yang terlibat dan keterangan lain yang ada supaya cepat membuat rujukan jika timbul sebarang masalah.

- \* Jangan sekali-kali menghantar wang tunai melalui pos.

- \* Bayaran melalui cek atau melalui wang kiriman pos atau lain-lain hanya dikirimkan apabila diminta. Pastikan anda menyimpan dengan baik bukti-bukti yang anda telah membuat bayaran yang dikehendaki supaya senang dibuat rujukan jika perlu.

- \* Apabila anda telah menerima produk yang dipesan, periksa segera bahawa apa yang dihantar kepada anda itu adalah apa yang dipesan. Jika ia bukan apa yang dipesan atau berlainan daripada keterangan yang diberi ataupun cacat, anda hendaklah segera menghubungi atau menulis kepada syarikat berkenaan untuk menukar barangan tersebut atau mendapat wang kembali. Pada waktu yang sama, buat salinan surat anda itu (bersama dokumen-dokumen yang berkaitan) kepada Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Persatuan Pengguna di tempat syarikat berkenaan berniaga. Beringatlah bahawa sebagai pembeli, anda berhak menuntut apa yang anda berhak.

## Mengekang Kenaikan Harga

Kenaikan harga sesuatu keluaran atau perkhidmatan bergantung kepada pelbagai faktor seperti kualiti, bekalan, sikap peniaga dan sebagainya. Namun, sebagai pengguna, kita boleh memastikan kenaikan harga yang berlaku tidak melampau atau munasabah dengan mengambil tindakan seperti:

- ≠ Memulaukan keluaran dan perkhidmatan yang harganya sengaja ditetapkan pada paras yang tinggi.

- ≠ Memulaukan keluaran yang harganya dinaikkan dengan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan kesannya pada ekonomi negara dan kemampuan pengguna.

- ≠ Memilih keluaran yang bekalannya sedang memuncak yang harganya lazimnya lebih murah.

- ≠ Mengelak daripada membeli keluaran yang bekalannya sedang berkurangan atau terbatas akibat keadaan yang tertentu. Ini kerana harga keluaran tersebut pasti tinggi daripada harga biasa dan jika pengguna masih berebut-rebut membelinya, harga pasti akan melambung naik.

Dengan memilih untuk membeli keluaran pada musim bahan berkenaan banyak, pengguna akan dapat membeli keluaran yang harganya lebih murah serta membantu meredakan keadaan bekalan yang tergendala.



Sikap peniaga yang bertanggungjawab dapat membantu mengekang kenaikan harga sesuatu barangan atau perkhidmatan.

matlamat **Kempen Inflasi Sifar**. Di samping itu, persatuan-persatuan pengguna boleh bekerjasama dengan sektor perniagaan untuk merangka program dan aktiviti pendidikan pengguna. Persatuan pengguna juga boleh mewujudkan 'rapport' yang lebih baik dengan para pengeluar dan pengedar barangan dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna setempat. Bertindak secara lebih rasional dan bertanggungjawab memupuk kerjasama yang lebih erat dengan pengusaha dan peniaga. Mereka juga harus berhati-hati apabila membuat sesuatu dakwaan. Jika tidak, mereka akan merugikan penjual tanpa sebab dan penjual atau pembekal bukan semuanya kaya raya. Ramai daripada mereka adalah penjaja. Apabila didakwa kononnya daging yang diimport tidak halal, bukan sahaja pengimport daging yang rugi, penjaja karipap di tepi jalan juga turut rugi. Apabila kemudian didapati dakwaan itu tidak berasas, pengimport mungkin hidup semula, sementara perniagaan penjaja mati terus.

Kerajaan memang sedar tahap kesedaran pengguna masih lagi berkurangan. Oleh itu, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha pendidikan pengguna semoga sasaran kita untuk memberi

pendidikan kepada semua pengguna dapat dicapai. Atas kesedaran inilah Kerajaan terus menggiatkan langkah-langkah mengadakan siri-siri ceramah, dialog, kempen, kuiz dan sebagainya untuk menerapkan pendidikan kepada semua pengguna. Kita menyambut baik usaha-usaha yang dijalankan oleh badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) untuk memperhebatkan gerakan kesedaran dan pendidikan pengguna untuk mewujudkan pengguna yang bermaklumat yang dapat membantu merealisasikan sasaran Kerajaan untuk menjayakan **Inflasi Sifar**.

Saya menyambut baik langkah dan galakan yang dibuat oleh Kementerian mengadakan **Hari Inflasi Sifar**. Ia menggalakkan para pengguna merancang dan membuat perbelanjaan dengan bijak. Orang ramai boleh mengamalkan budaya pengguna yang baik dengan membeli barang-barang perlu sahaja, mengutamakan pembelian barangan tempatan, berjimat-cermat dan menggalakkan tabungan serta mengelakkan pembaziran. Lambat laun, kita akan dapat merealisasikan hasrat untuk mencapai Inflasi Sifar.

*Petikan Ucapan YAB. Tan Sri Dato' Seri Osman Aroff, Menteri Besar Kedah di Majlis Pelancaran Hari Inflasi Sifar Peringkat Negeri Kedah pada 1 Julai lalu.*

Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

**Bahagian Penguatkuasa:**

Bilik Gerakan K. Lumpur	03-4436888/03-4437888
Wilayah Persekutuan K. Lumpur	03-4423555
Kuala Lumpur (Ibu Pejabat)	03-4433666
<b>Perlis</b>	<b>N. Sembilan</b>
Kangar: 04-9761478	Seremban: 06-730911
<b>Kedah</b>	<b>Melaka</b>
Alor Star: 04-7339062	Melaka: 06-2820422
Sg. Petani: 04-4213400	<b>Johor</b>
Langkawi: 049660420	Johor Bahru: 07-2234699
<b>Pulau Pinang</b>	Kluang: 07-736877
P.Pinang: 04-2616168	Muar: 06-9522709
Seberang Prai: 04-317500	Mersing: 07-7994211
<b>Perak</b>	<b>Pahang</b>
Ipoh: 05-2555001	Kuantan: 09-523451
Taiping: 05-8075044	Temerloh: 09-2961688
Teluk Intan: 05-6227967	Raub: 09-3551670
<b>Selangor</b>	<b>Terengganu</b>
Shah Alam: 03-5595544	K. Terengganu: 09-6221234
Kajang: 03-8367444	Kemaman: 09-8591919
K. Kubu Baru: 03-8042495	<b>Kelantan</b>
<b>Wilayah Persekutuan</b>	Kota Bharu: 09-7481117
K.Lumpur: 03-4423555	Kuala Krai: 09-9666368
Labuan: 089-417669	<b>Sabah</b>
	K. Kinabalu: 088-235702
	Sandakan: 089-668291
	Tawau: 09-776690
	<b>Sarawak</b>
	Kuching: 082-245202
	Sibu: 084-331931
	Miri: 085-412862
	Bintulu: 086-332176

**Pejabat-Pejabat Pendaftaran Perniagaan**

K. Lumpur (Ibu Pejabat)	03-4433366
Alor Setar	04-7318277
Butterworth	04-3327793
Kota Bharu	09-7484599
Kuantan	09-553600
K. Terengganu	09-6237170
Johor Bharu	09-2244710
Melaka	06-2821822

**Bahagian Harta Intelek**

K. Lumpur (Ibu Pejabat)	03-2329955
Kota Kinabalu	088-233571
Kuching	089-428499

**Bhg. Hal Ehwal Pengguna**

Bhg. Hal Ehwal Pengguna	03-2329955
Bhg. Perdagangan Dalam Negeri	03-2329955

**Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat**

K. Lumpur (Ibu Pejabat)	03-4433366
Alor Setar	04-7330111
P. Pinang	04-3332081
Ipoh	05-2416900
Kuantan	09-553866
Kota Bharu	09-7482860
Kota Kinabalu	088-233346
Kuching	082-428499
Labuan	089-414100



**CERMAT**